



Kepada Semua Pegawai Pengawal,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 1 TAHUN 2011**

***PENGURUSAN BAJET TAHUN 2011***

**Tujuan**

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh semua Pegawai Pengawal dalam menguruskan bajet tahun 2011 di jabatan masing-masing.

**Anggaran Perbelanjaan Tahun 2011**

2. Waran Am Bil. 1 Tahun 2011 bertarikh 15 Disember 2010 telahpun dikeluarkan bagi membolehkan wang berjumlah RM493,102,840 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan Mengurus seperti berikut:
  - i. Sejumlah RM18,161,830 di bawah Maksud Tanggungan; dan
  - ii. Sejumlah RM474,941,010 untuk perbelanjaan Bekalan seperti mana yang diluluskan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2010.
3. Bagi perbelanjaan Pembangunan, pengeluaran daripada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM557,251,370 telah diluluskan melalui Waran Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Bil. 1 Tahun

2011 bertarikh 15 Disember 2010, bertujuan untuk membiayai perbelanjaan bagi Maksud dan Butiran yang dinyatakan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2011.

### **Strategi Bajet Tahun 2011**

4. Y.A.B. Ketua Menteri dalam membentangkan Bajet Tahun 2011 di Dewan Undangan Negeri pada 2 November 2010 lalu telah memberi penekanan meneruskan amalan urus tadbir CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) yang merupakan model penyampaian perkhidmatan yang mampu meningkatkan efisiensi, produktiviti dan integriti, terutamanya dalam pengurusan kewangan yang melibatkan wang rakyat.
5. Agenda dan strategi utama Kerajaan Negeri dalam tahun 2011 ialah untuk memastikan pembangunan negeri terus maju dan kekal ke hadapan dan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa. Dalam mencapai status antarabangsa ianya memerlukan kepada penggembangan semua pihak, iaitu gandingan dan sinergi antara sektor awam, swasta dan rakyat. Dengan pewujudan gagasan yang mantap ini maka aspirasi Kerajaan Negeri dalam meneruskan agenda memartabatkan rakyat Negeri Pulau Pinang dengan berkonsepkan 3P iaitu perkasakan rakyat, perkuasakan rakyat dan perkayakan rakyat akan tercapai.

### **Tanggungjawab Pegawai Pengawal**

6. Selaras dengan ekspektasi Kerajaan Negeri, maka kesungguhan anggota perkhidmatan awam untuk terus memahami dan mendokong hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemakmuran negeri serta kesejahteraan rakyat amatlah diharapkan. Perkhidmatan awam hendaklah membudayakan kreativiti dan inovasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan di samping meneruskan nilai untuk wang atau *value for money*.

Dalam aspek ini, pembaziran, penyelewengan dan gejala salah urus hendaklah dihapuskan dalam pengurusan kewangan awam. Bagi tujuan ini adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk sentiasa mengambil langkah-langkah kawalan termasuk pemeriksaan mengejut bagi mengelak salah laku serta penyelewengan wang awam.

7. Ketua Jabatan adalah secara rasmi sebagai Pegawai Pengawal kepada peruntukan Mengurus dan Pembangunan jabatan masing-masing serta akaun-akaun amanah yang dipertanggungjawabkan. Tanggungjawab Pegawai Pengawal ke atas pengurusan kewangan jabatan adalah sebagaimana diperuntukkan di dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Arahan Perbendaharaan dan lain-lain perundangan Negara serta peraturan-peraturan dan arahan-arahan kerajaan yang berkaitan.

8. Dalam menjalankan tanggungjawab ini, Pengawai Pengawal hendaklah memastikan pengurusan kewangan jabatan dikendalikan berdasarkan kepada sistem kawalan dalaman yang kukuh, mengikut peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan serta selaras dengan amalan-amalan yang terbaik. Dalam mencapai matlamat nilai untuk wang, kaedah pengurusan nilai atau *value management* perlu diterapkan dalam perbelanjaan pengurusan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pengawai Pengawal hendaklah menentukan kaedah pelaksanaan yang berkesan dan efektif yang menjurus kepada penjimatan tanpa menjaskan kualiti.

9. Adalah penting Pegawai Pengawal mengambil tindakan disiplin di bawah Perintah Am bagi perkara-perkara dalam pengurusan kewangan yang menunjukkan kecuaian dan sikap yang tidak peka dalam memperakaunkan hasil dan perbelanjaan secara teratur, walaupun perkara-perkara seperti ini tidak mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan atau memerlukan tindakan surc妖.

## **Pungutan Hasil**

10. Kutipan hasil Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah hasil negeri bertambah dari setahun ke setahun. Oleh yang demikian, usaha-usaha yang berterusan hendaklah diambil oleh semua Pegawai Pengawal untuk melipatgandakan usaha mengutip hasil semasa di samping memperhebatkan langkah-langkah memungut tunggakan hasil supaya dapat digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri. Keupayaan jabatan-jabatan untuk mengutip tunggakan hasil dan melaksanakan langkah-langkah mengurangkan tunggakan hasil perlu diberi perhatian serius kerana ianya bukan sahaja diberikan penekanan dan perhatian oleh Kerajaan Negeri tetapi juga oleh pihak Audit.

## **Peruntukan Mengurus**

11. Peruntukan Mengurus tahun 2011 akan dikeluarkan kepada Pegawai Pengawal pada awal Januari 2011 dan Pegawai Pengawal seterusnya hendaklah mengagihkan kepada cawangan/bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing melalui waran peruntukan kecil secara *on line*. Garis panduan berkaitan pengeluaran waran peruntukan kecil seperti dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 10 Tahun 2008 bertarikh 13 Jun 2008 adalah terpakai.

12. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan mengurus jabatan adalah mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Pegawai Pengawal perlu membuat pemantauan yang kerap dari semasa ke semasa ke atas setiap waran peruntukan kecil yang telah dikeluarkan kepada PTJ masing-masing bagi memastikan peruntukan yang telah diagihkan itu dibelanjakan dengan segera dan secara kos efektif, disamping mengenal pasti lebihan peruntukan yang

tidak dibelanjakan serta penjimatan untuk diagihkan kepada aktiviti lain yang memerlukan.

13. Pegawai Pengawal diberi kuasa membuat pindah peruntukan Perbelanjaan Mengurus di antara aktiviti bagi Objek Am 20000: Perkhidmatan dan Bekalan sahaja. Bagi Objek Am selainnya perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Pengawal juga perlu memastikan peraturan-peraturan berkaitan pindah peruntukan seperti ketetapan di Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil.10 Tahun 2008 dipatuhi sepenuhnya. Tindakan ini perlu bagi mengelak berlakunya proses pindah masuk dan pindah keluar bagi objek sebagai dalam aktiviti yang sama dan juga mengelakkan berlakunya peruntukan yang telah dipindah masuk tidak dibelanjakan langsung, yang memberi gambaran wujudnya kelemahan perancangan dalam pengurusan kewangan sesebuah jabatan.

14. Perolehan aset yang telah diluluskan dalam bajet hendaklah diuruskan selewat-lewatnya sebelum berakhir September tahun semasa. Sekiranya perolehan dibuat melewati tempoh tersebut, kelulusan khas perlu diperolehi daripada Pegawai Kewangan Negeri sebelum perolehan boleh diteruskan. Cadangan pembelian aset baru sebagai gantian kepada butiran aset yang diluluskan dalam bajet atau cadangan mengguna penjimatan bagi pembelian aset baru perlu dirujuk kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu. Cadangan untuk mengguna penjimatan atau lebihan peruntukan dan pindahan daripada Objek Am selainnya kepada Objek Am 30000 adalah perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan ianya perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada akhir September.

15. Pegawai Pengawal perlu merancang perbelanjaannya dan mengelak penggunaan peruntukan secara *ad hoc* untuk tujuan perbelanjaan yang tidak dibajetkan. Pegawai Pengawal juga hendaklah mengelak perbelanjaan

secara *bunching* pada akhir tahun yang boleh memberi gambaran kepada perbelanjaan tanpa perancangan. Pendekatan-pendekatan untuk memperketatkan kawalan perbelanjaan Kerajaan Negeri dan peraturan serta kadar-kadar kelayakan dalam perbelanjaan hendaklah dipatuhi dan sebarang pengecualian kepada ketetapan ini perlu mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Pengawal juga perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemah dan *optimal value for money* dan berusaha untuk *get more out of less* dalam semua urusan kewangan jabatan.

### **Peruntukan Pembangunan**

16. Jabatan Kewangan Negeri akan mengeluarkan waran peruntukan Pembangunan kepada jabatan melalui SPEKS pada Januari 2011 secara berperingkat dan tidak sekaligus. Pegawai Pengawal dikehendaki menyedia perancangan pelaksanaan projek-projek pembangunan secara terperinci serta keperluan aliran tunai projek-projek pembangunan terlibat kepada Jabatan Kewangan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri sebelum waran peruntukan dikeluarkan. Waran peruntukan ialah untuk tujuan perbelanjaan dan tidak seharusnya dijadikan alasan untuk tidak mulakan pelaksanaan projek pembangunan. Selaras dengan peruntukan yang telah diluluskan dalam Bajet Pembangunan 2011 kepada jabatan, maka jabatan boleh mengeluarkan surat kuasa arahan pelaksanaan projek sebagai *forward commitment* kepada jabatan teknikal untuk mulakan pelaksanaan projek dan disusuli dengan waran peruntukan apabila pembayaran perlu diuruskan. Langkah ini diambil bagi memastikan peruntukan Pembangunan yang disediakan digunakan secara optimum dan perancangan projek-projek pembangunan dilaksanakan selaras dengan peruntukan yang diluluskan.

17. Bagi jabatan-jabatan yang mengeluarkan waran peruntukan kecil untuk pelaksanaan projek, tanggungjawab bagi menyediakan skop kerja projek kepada jabatan teknikal yang melaksana projek terlibat dan pemantauan

kepada prestasi pelaksanaan projek masih terletak kepada Pegawai Pengawal. Di samping pemantauan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat jabatan, Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan Negeri yang diurussetiai oleh UPEN hendaklah diadakan menurut jadual.

18. Pelaksanaan projek-projek pembangunan melibatkan kelulusan urus niaga yang akan melibatkan kitaran wang dalam sistem ekonomi dan menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Oleh yang demikian, Pegawai Pengawal hendaklah membudayakan kepentasan bertindak dalam melaksanakan projek-projek pembangunan negeri. Urusan perolehan secara sebut harga dan tender untuk projek-projek pembangunan negeri hendaklah dibuat selewat-lewatnya sebelum September tahun semasa bagi memastikan projek yang diuruskan secara sebut harga dapat disempurnakan dan dijelaskan pembayaran dalam tahun semasa, manakala bagi projek-projek yang diuruskan secara tender hendaklah dipastikan projek-projek terlibat menepati jadual perancangan kerja yang ditetapkan.

19. Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran telah diluluskan peruntukan Pembangunan tahun 2011 yang berlipat ganda, khususnya bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang berfokus kepada *people centric*. Oleh itu amat penting untuk kedua-dua jabatan ini membuat perancangan yang rapi tentang pelaksanaannya dengan mengambil kira pelaksanaan projek-projek dari jabatan-jabatan Negeri selainnya. Dalam memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri bagi kedua-dua jabatan terlibat, di samping forum penyelarasan sedia ada telah ditubuhkan Jawatankuasa Pemandu Projek yang dipengerusikan oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK Infrastruktur. Matlamat penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk memastikan pelaksanaan projek oleh kedua-dua jabatan berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan tidak berlakunya *shortfall* dalam perbelanjaan pembangunan.

20. Bagi Butiran Pengambilan Tanah yang diluluskan peruntukan Pembangunan, pembayaran hendaklah dijelaskan dengan seberapa segera oleh Pentadbir Tanah bagi mengelak pengenaan faedah 8% atas kelewatan membayar pampasan yang terpaksa di tanggung oleh Kerajaan sekiranya berlaku. Pihak Pentadbir Tanah hendaklah segera mengemukakan permohonan kepada Unit Pembangunan, PSUK untuk pengeluaran waran peruntukan kecil bagi tujuan pengambilan tanah yang telah diluluskan. Untuk mengelak juga pengenaan faedah 8% atas tuntutan kenaikan pampasan, Pentadbir Tanah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta serta pemohon perlu hadir semasa perbicaraan supaya alasan penambahan jumlah pampasan dapat direkodkan dan keperluan peruntukan tambahan yang berbangkit dapat dikemukakan untuk pertimbangan awal Jabatan Kewangan Negeri dan UPEN.

### **Bayaran**

21. Pulau Pinang adalah antara negeri yang berjaya memproses bayaran dalam jangkamasa yang singkat. Kawalan ke atas proses pembayaran perlu sentiasa dipantau bagi memastikan tidak berlakunya penyingkatan kepada proses pembayaran ini ataupun salahguna kuasa yang boleh menimbulkan kepada manipulasi dan penyelewengan wang awam. Mengikut amalan terbaik pengurusan kewangan, proses pembayaran perlu melibatkan kepada penyedia, penyemak dan pelulus yang berbeza dan ketetapan ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan dipantau oleh jabatan.

22. Dengan kemasukan anggota baru dan pelaksanaan proses pusingan kerja di jabatan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan tahap kecekapan anggota dalam memproses bayaran dipertingkatkan tanpa menjaskan kualiti kerja. Bagi memastikan kecekapan pengurusan pembayaran, latihan atau latihan semula perlu diberikan kepada anggota terlibat.

23. Akaun Kena Bayar (AKB) Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2009 mencatatkan peningkatan yang tinggi. Bagi tujuan untuk mengurangkan AKB Pegawai Pengawal juga bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan setiap perbelanjaan pada setiap suku tahun dibayar selewat-lewatnya pada awal suku tahun berikutnya atau '*quarterly closing*'. Melalui kaedah ini ianya dapat menjamin bahawa bagi tujuan AKB hanya melibatkan bil-bil dalam suku keempat tahun semasa sahaja diuruskan.
24. Pegawai Pengawal juga perlu memastikan Daftar Bil sentiasa dalam keadaan yang kemaskini serta dibuat pemeriksaan dari semasa ke semasa. Selain daripada itu tanggungan-tanggungan seperti utiliti, sewaan dan kontrak hendaklah dipantau supaya bayaran dapat disegerakan.

### **Pengauditan Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti**

25. Jabatan Audit Negeri telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi menentukan tahap prestasi pengurusan kewangan di beberapa jabatan/agensi negeri. Pencapaian pengurusan kewangan dinilai melalui sembilan (9) elemen utama iaitu kawalan pengurusan organisasi, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah dan kumpulanwang amanah, pengurusan aset dan inventori, pengurusan pinjaman, pengurusan pelaburan dan penyata kewangan. Jabatan/agensi Kerajaan Negeri yang mendapat penarafan 4 bintang (sangat baik) telah meningkat dalam tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan jabatan/agensi yang mendapat penarafan 3 bintang juga kian bertambah. Oleh yang demikian, Pegawai Pengawal digesa memberi perhatian serius ke atas pengurusan kewangan masing-masing supaya dapat meningkatkan pencapaian ke arah penarafan 4 bintang.

26. Pegawai Pengawal juga hendaklah meneliti dan memberikan maklum balas terhadap teguran-teguran audit bukan sahaja dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara tetapi juga teguran-teguran audit yang lain. Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran audit serta syor Jawatankuasa Kira-Kira Awam Negeri dalam memastikan teguran yang sama tidak berulang dan langkah-langkah pencegahan dan pelanggaran peraturan dan ketetapan kewangan tidak berlaku.

### **Tarikh Kuatkuasa**

27. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2011**.

Sekian, terima kasih.

**' CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS '**  
**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**

Saya yang menurut perintah,



**[DATO' FARIZAN BIN DARUS]**

Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh: 28 Disember 2010

**s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri**  
Pulau Pinang.

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Pulau Pinang.